



**KELULUSAN MELAKSANAKAN PROJEK PELEBARAN PERSIMPANGAN
MASUK KE BANDAR KLUANG (JALAN MERSING – JALAN MENGKIBOL)
BUKAN DI BAWAH BIDANG KUASA PERBADANAN ASET KERETAPI**

SEPANG, 16 Okt 2022 – Kebenaran bagi meluluskan Projek Pelebaran Persimpangan Masuk ke bandar Kluang melalui Jalan Mersing – Jalan Mengkibol bukan di bawah bidang kuasa Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Kenyataan ini dibuat sebagai maklum balas kepada isu pelebaran persimpangan masuk ke bandar Kluang yang telah dibangkitkan oleh YB Chew Chong Sin, Ahli Undangan Negeri (ADUN) Mengkibol.

Walaupun kawasan yang terlibat dengan cadangan pelebaran persimpangan tersebut merupakan tanah rizab kereta api yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru (PLBE-GJB), tetapi kebenaran bagi melaksanakan projek tersebut perlu dirujuk dengan Kementerian Kerja Raya (KKR).

RAC yang diwakili Pengurus Besar, YBrs. Encik Adam Abu Hanipah juga telah menunjukkan komitmen dengan mengadakan lawatan tapak bersama-sama YB Chew pada 24 Mei 2022 bagi mengenalpasti keluasan kawasan yang terlibat, keadaan utiliti, perparitan dan lain-lain kemudahan sedia ada serta lokasi struktur-struktur Lintasan Rata Awam di kawasan tersebut. Lawatan tersebut turut dihadiri wakil daripada Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kluang dan juga kontraktor bagi projek PLBE-GJB, SIPP-YTL.

Dalam lawatan tersebut, pihak SIPP-YTL memaklumkan sedia membantu JKR Daerah Kluang dalam mengenalpasti impak dan item-item yang terkesan bagi cadangan pelebaran jalan termasuk sempadan kawasan rizab RAC dan struktur *pier* projek PLBE-GJB.

Sehubungan itu, RAC menyarankan agar kelulusan daripada KKR diperolehi terlebih dahulu sebelum projek tersebut dapat diteruskan.

Sebagai pemilik aset, RAC tiada halangan untuk membernarkan tanah rizab kereta api digunakan bagi tujuan pelebaran persimpangan jalan berkenaan. Ini kerana cadangan

tersebut akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Mersing – Jalan Mengkibol yang merupakan laluan masuk utama ke bandar Kluang.

Namun begitu, peruntukan bagi menyediakan naik taraf ini perlu dipohon oleh YB Chew dan kerja-kerja penyelenggaraan persimpangan jalan tersebut kelak perlu dilaksanakan oleh JKR. Dalam hal ini juga, pihak MPK perlu bertanggungjawab ke atas penyenggaraan aksesori jalan dan pengindahan kawasan berkenaan apabila projek naik taraf tersebut siap.

RAC selaku agensi di bawah Kementerian Pengangkutan sentiasa menyokong usaha-usaha bagi menambahbaik infrastruktur awam demi kemudahan dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

PERBADANAN ASET KERETAPI

16 Oktober 2022

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Pertanyaan Media

Unit Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Aset Keretapi

Pegawai Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 0222

E-mel: info@rac.gov.my

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuh IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: www.rac.gov.my